

Analisis Kepercayaan Rakyat Malaysia terhadap Kerajaan

Muhamad Ali Embi*

Abdul Rahman Abdul Aziz

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Norapiah Abd. Rahman

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

*Corresponding author; email: ali@uum.edu.my

ABSTRAK

Bermula tahun 1998 dan kemuncaknya pada Pilihanraya Umum 29 November 1999, kerajaan begitu gusar terhadap sokongan orang Melayu. Keputusan Pilihanraya Umum Ke-10 telah menggemparkan kerajaan, dua buah negeri majoriti Melayu, Kelantan dan Terengganu jatuh ke tangan pembangkang. Negeri-negeri lain memperlihatkan peningkatan jumlah undi dan pertambahan bilangan kerusi pembangkang. Keputusan pilihanraya adalah manifestasi kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Atas pernyataan masalah yang demikian, kajian ini cuba mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan atau penurunan tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Dapatan memperlihatkan majoriti rakyat Malaysia mempunyai tahap kepercayaan yang baik terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan. Namun, jawapan “tidak pasti” majoriti rakyat Malaysia terdapat pada pentadbiran kewangan negara, kejujuran dan keutamaan pemimpin. Berhubung dengan Kerajaan Negeri, majoriti rakyat berpendapat prestasi Kerajaan Negeri adalah baik, dan di negeri yang dikuasai oleh pembangkang (Kelantan dan Terengganu) prestasi Kerajaan Negeri adalah pada tahap baik yang rendah. Lantaran itu, indikator ini telah menampakkan hasilnya apabila Kerajaan Negeri Terengganu tumbang ke tangan Barisan Nasional dan Kerajaan Negeri Kelantan yang diterajui PAS menang tipis dalam Pilihanraya Umum 2004. Walaupun kepercayaan rakyat kepada keupayaan pembangkang untuk membentuk kerajaan kurang, tetapi Barisan Nasional yang memerintah tidak mencapai sokongan seratus peratus.

Katakunci: *pilihan raya umum, kepercayaan rakyat, pentadbiran kewangan negara, keutamaan pemimpin*

Trust Analysis of Malaysian Community on the Government

ABSTRACT

Since 1998 and its peak during the General Election on 29th November 1999, the government was very annoyed at the support of the Malays. The 10th General Election caused an uproar to the government as two states with Malays majority fell into the hands of the opposition. Other states, showed an increase of total voters and that of seats for the opposition. The election results are manifestations of community trust towards the government. Based on the stated problems, this study attempts to identify the factors that led to the increase or decrease in population trust level towards the government. Findings of this study showed that the majority of the population has good level of trust towards the performance of Federal Government. However, “uncertain” answers among the majority of the Malaysian people were concerned with the national financial administration, trustworthiness and priority for leadership. Concerning the State Government, a majority of the people felt that the performance of the State Governments was good, and at the states controlled by the opposition (Kelantan and Terengganu) the performance of State Government was at the lower good level. Hence, this indicator showed results when Terengganu State Government fell to the National Front and the Kelantan State Government, propelled by PAS, had a narrow win in the 2004 General Election. Although the people’s trust for the capacity of the opposition to form a government was weak, nonetheless, the ruling National Front failed to reap a hundred percent support.

Keywords: *general election, community trust, national financial administration, priority for leadership*

PENGENALAN

Kepercayaan terhadap kerajaan merujuk kepada sokongan padu rakyat terhadap pemimpin, dasar, jentera kerajaan dan pelaksanaan dasar dan projek oleh kerajaan yang memerintah. Mengetahui sejauh mana kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah adalah penting kerana kerajaan yang mendapat kepercayaan rakyat akan dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan berbanding kerajaan yang kurang mendapat sokongan daripada rakyat.

Tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang tinggi akan memberikan darjah kebebasan yang tinggi kepada kerajaan untuk memerintah negara. Segala dasar yang dicadang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan akan disokong dan dipatuhi jika rakyat berdiri teguh di belakang kerajaan. Sebaliknya jika rakyat hilang kepercayaan terhadap kerajaan yang memerintah segala dasar kerajaan tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana akan mendapat tentangan daripada rakyat.

Dalam persekitaran politik yang mengamalkan sistem demokrasi, tahap kepercayaan rakyat yang tinggi terhadap kerajaan yang memerintah akan memberi asas yang kukuh kepada kekuasaan pemerintahan kerajaan berkenaan. Ianya juga menunjukkan bahawa kerajaan yang memerintah adalah baik dan dihormati oleh rakyat. Malahan ia juga menggambarkan bahawa kuasa pemerintahan yang ada pada kerajaan berkenaan telah digunakan secara cekap dan berkesan. Walau bagaimanapun jika sekiranya kuasa pemerintahan berkenaan tidak digunakan secara bertanggungjawab, rakyat akan lebih cenderung untuk melakukan perubahan terhadap kerajaan sama ada secara demokratik mahupun secara radikal.

KEPERCAYAAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP KERAJAAN

Semenjak merdeka pada tahun 1957, kuasa memerintah negara ini telah dimonopoli secara berterusan oleh Barisan Nasional yang dahulunya dikenali sebagai Parti Perikatan. Rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum mahupun agama telah memberikan mandat dan sokongan padu kepada Barisan Nasional untuk menerajui kerajaan lebih daripada empat dekad. Walaupun terdapat peristiwa-peristiwa yang kurang menyenangkan seperti perbalahan kaum pada 13 Mei 1969, kemelesetan ekonomi dan peristiwa Memali pada tahun 1986, namun rakyat Malaysia pada umumnya telah memberi sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah negara hingga kini. Kemenangan dua pertiga Barisan Nasional dalam setiap pilihanraya umum yang dijalankan adalah bukti sokongan tersebut.

Namun demikian, kepercayaan terhadap pemerintahan kerajaan Barisan Nasional, terutamanya kepercayaan orang Melayu terhadap UMNO telah merosot sejak tahun 1997. Perpecahan dalaman UMNO akibat peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana kes salah laku seks telah menjejaskan sokongan padu rakyat terhadap kerajaan. Kegawatan ekonomi negara akibat serangan penyangak mata wang George Soros pada tahun 1997 turut menjejaskan sokongan rakyat kepada kerajaan. Tidak seperti peristiwa-peristiwa yang melanda negara sebelum ini, kedua-dua peristiwa tersebut telah melemahkan sokongan rakyat terutamanya orang Melayu terhadap kerajaan. Akibatnya Barisan Nasional telah kehilangan 22 buah kerusi Parlimen dan 55 buah kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya umum ke-10 yang diadakan pada 29 November 1999. Dalam pilihanraya tersebut, PAS telah berjaya menawan dan menubuhkan kerajaan baru di Terengganu. Manakala di Kelantan PAS telah berjaya mengekalkan pemerintahan. Di negeri-negeri Perlis, Pahang, Selangor dan Perak, PAS telah berjaya memenangi beberapa buah kerusi Dewan Undangan Negeri. Manakala di Kedah, PAS berjaya memenangi lapan daripada lima belas kerusi parlimen.

Penyingkiran Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada pentadbiran kerajaan dan kepimpinan UMNO atas kesalahan salah laku seks, telah menarik simpati ramai rakyat Malaysia. Slogan reformasi yang diutarakan oleh beliau dan para penyokongnya telah mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan termasuk anak-anak muda. Simpati dan sokongan terhadap Dato' Seri Anwar ini telah membawa kepada demonstrasi jalanan yang diadakan di sekitar Kuala Lumpur. Begitu juga laman-laman web antikerajaan seperti Laman Reformasi, Anwar Online dan Mahazalim telah digunakan secara meluas untuk menunjukkan rasa simpati kepada Dato' Seri Anwar. Persoalan yang timbul adakah perpecahan sokongan rakyat terhadap kerajaan sekarang adalah disebabkan kerajaan tidak prihatin terhadap kehendak rakyat atau kerajaan tidak memberikan khidmat yang sewajarnya kepada rakyat keseluruhannya? Ataupun ini hanyalah satu manifestasi protes rakyat yang bersifat sementara semata-mata berdasarkan kepada isu-isu semasa umpamanya simpati mereka terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim dan bukannya disebabkan kelemahan pentadbiran atau salahguna kuasa di pihak kerajaan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan pada awal tahun 2004 iaitu, sebelum pilihanraya 2004 bertujuan menilai pendapat rakyat terhadap prestasi kerajaan. Objektif kajian ialah:

- a) Meninjau tahap kepercayaan rakyat Malaysia terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, dan
- b) Menilai pandangan rakyat Malaysia terhadap pemimpin-pemimpin yang menerajui entiti kerajaan seperti Perdana Menteri, Menteri-menteri, Wakil Rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan,

METODOLOGI

Sasaran populasi kajian ini adalah tertumpu kepada seluruh rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia. Sebanyak enam buah negeri telah dipilih bagi mewakili seluruh Malaysia iaitu negeri Kedah, Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Kelantan. Seramai seratus tiga puluh sampel dipilih daripada negeri yang terpilih menjadikan bilangan sampel seramai 780 orang. Daripada jumlah 780 soal selidik yang diedarkan sebanyak 624 soal selidik yang dikembalikan. Walau bagaimanapun sebanyak 24 soal selidik tidak lengkap atau rosak dan tidak sesuai digunakan untuk tujuan penganalisan, menjadikan borang soal selidik yang sesuai digunakan untuk tujuan penganalisan berjumlah 600 (76.9%) sahaja.

DAPATAN KAJIAN

Kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan

Sebagai sebuah entiti tertinggi di dalam sebuah negara, rakyat mengharapkan Kerajaan Persekutuan dapat memainkan peranan yang berkesan bukan hanya dalam memajukan negara tetapi juga membawa kepada kestabilan ekonomi, keamanan dan kesejahteraan di dalam negara. Kemajuan, keamanan dan kestabilan ekonomi ini akan membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia dan aspek-aspek ini akan dapat terus dikekalkan sekiranya rakyat mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kerajaan.

a. Kepercayaan rakyat Kedah terhadap Kerajaan Persekutuan

Rakyat negeri Kedah secara keseluruhannya mempunyai tahap kepercayaan baik yang tinggi terhadap Kerajaan Persekutuan di mana nilai min bagi setiap soalan yang diajukan adalah melebihi 3.5 sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1. Lebih 80% rakyat Kedah berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang merupakan kerajaan yang terbaik (86.3% bersetuju), telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (84.3% bersetuju) serta mereka berbangga dengan

pemerintahan Kerajaan Persekutuan (81.4% bersetuju). Seramai 70% rakyat Kedah juga berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan diperintah oleh individu yang prihatin dan memberi ruang kepada rakyat untuk memberikan pendapat.

Walau bagaimanapun lebih 30% rakyat Kedah memberikan jawapan tidak pasti bahawa mereka yang menerajui Kerajaan Persekutuan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (35.3% tidak pasti), ditadbir oleh mereka yang jujur (32.4% tidak pasti) dan mentadbir wang negara dengan betul (33.3%). Peratusan agak tinggi yang memberi jawapan tidak pasti bagi ketiga-tiga item ini menunjukkan bahawa ramai rakyat Kedah yang meragui tentang kejujuran mereka yang menerajui Kerajaan Persekutuan dalam membela nasib rakyat keseluruhannya.

Jadual 1
Kepercayaan rakyat Kedah terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan persekutuan (KP) telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	1 (1.0%)	2 (2.0%)	13 (12.7%)	54 (52.9%)	32 (31.4%)	4.1176
KP diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	3 (2.9%)	4 (3.9%)	23 (22.5%)	49 (48.0%)	23 (22.5%)	3.8333
KP mentadbir wang Negara dengan betul	4 (3.9%)	5 (4.9%)	34 (33.3%)	39 (38.2%)	20 (19.6%)	3.6471
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	1 (1.0%)	14 (13.7%)	26 (25.5%)	46 (45.1%)	15 (14.7%)	3.5882
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KP adalah mereka yang jujur	4 (3.9%)	7 (6.9%)	33 (32.4%)	40 (39.2%)	18 (17.6%)	3.5980
Saya berbangga dengan pemerintahan KP	2 (2.0%)	4 (3.9%)	13 (12.7%)	50 (49.0%)	33 (32.4%)	4.0588
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	5 (4.9%)	9 (8.8%)	19 (18.6%)	49 (48.0%)	20 (19.6%)	3.6863
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walau pun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	1 (1.0%)	4 (3.9%)	9 (8.8%)	50 (49.0%)	38 (37.3%)	4.1765
Pemerintahan KP memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	1 (1.0%)	6 (5.9%)	23 (22.5%)	46 (45.1%)	26 (25.5%)	3.8824

b. Kepercayaan rakyat Perak terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan

Jadual 2 menunjukkan tahap kepercayaan rakyat Perak terhadap Kerajaan Persekutuan juga pada tahap yang baik di mana min kepercayaan bagi setiap item yang diajukan adalah di antara 3.2 hingga 3.9. Seramai lebih 70% rakyat Perak berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (79.3% bersetuju), Kerajaan Persekutuan adalah yang terbaik (77.2% bersetuju) dan mereka berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Persekutuan (76.1% bersetuju).

Jadual 2
Kepercayaan Rakyat Perak Terhadap Prestasi Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	2 (2.2%)	4 (4.3%)	13 (14.1%)	60 (65.2%)	13 (14.1%)	3.8478
KP diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	0	10 (10.9%)	24 (26.1%)	48 (52.2%)	10 (10.9%)	3.6304
KP mentadbir wang negara dengan betul	3 (3.3%)	8 (8.7%)	43 (46.7%)	35 (38.0%)	3 (3.3%)	3.2935
Kebanyakan individu yang berada di dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	1 (1.1%)	10 (10.9%)	43 (46.7%)	34 (37.0%)	4 (4.3%)	3.3261
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KP adalah mereka yang jujur	2 (2.2%)	16 (17.4%)	38 (41.3%)	32 (34.8%)	4 (4.3%)	3.2174
Saya berbangga dengan pemerintahan KP	1 (1.1%)	11 (12.0%)	10 (10.9%)	54 (58.7%)	16 (17.4%)	3.7935
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	3 (3.3%)	12 (13.0%)	36 (39.1%)	34 (37.0%)	7 (7.6%)	3.3261
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	2 (2.2%)	6 (6.5%)	13 (14.1%)	54 (58.7%)	17 (18.5%)	3.8478
Pemerintahan KP memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	3 (3.3%)	17 (18.5%)	17 (18.5%)	50 (54.3%)	5 (5.4%)	3.4022

Walau bagaimanapun seramai 40% atau lebih rakyat Perak memberi jawapan tidak pasti bahawa Kerajaan Persekutuan mentadbir wang negara dengan betul (46.7% tidak pasti), individu yang berada di dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan (43.7% tidak pasti), kebanyakan pemimpin adalah mereka yang jujur (41.3% tidak pasti) dan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (39.1% tidak pasti).

c. Kepercayaan rakyat Selangor terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan

Jadual 3 menunjukkan daripada sembilan item tentang kepercayaan rakyat Selangor terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan, sebanyak empat item mempunyai min kepercayaan lebih daripada empat dan lima lagi lebih daripada 3.6. Ini menunjukkan bahawa kepercayaan rakyat Selangor terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan adalah pada tahap yang tinggi. Seramai lebih daripada 60% rakyat Selangor bersetuju terhadap kesembilan-sembilan item yang diajukan. Malahan lebih daripada 80% rakyat Selangor

Jadual 3
Kepercayaan Rakyat Selangor Terhadap Prestasi Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	1 (1.1%)	4 (4.5%)	8 (9.0%)	57 (64.0%)	19 (21.3%)	4.0000
KP diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	2 (2.2%)	3 (3.4%)	10 (11.2%)	50 (56.2%)	24 (27.0%)	4.0225
KP mentadbir wang negara dengan betul	2 (2.2%)	5 (5.6%)	20 (22.5%)	49 (55.1%)	13 (14.6%)	3.7416
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	1 (1.1%)	4 (4.5%)	18 (20.2%)	43 (48.3%)	23 (25.8%)	3.9326
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KP adalah mereka yang jujur	2 (2.2%)	11 (12.4%)	25 (28.1%)	32 (36.0%)	19 (21.3%)	3.6180
Saya berbangga dengan pemerintahan KP	2 (2.2%)	2 (2.2%)	10 (11.2%)	48 (53.9%)	27 (30.3%)	4.0787
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	3 (3.4%)	7 (7.9%)	25 (28.1%)	37 (41.6%)	17 (19.1%)	3.6517
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walau pun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	1 (1.1%)	3 (3.4%)	10 (11.2%)	53 (59.6%)	22 (24.7%)	4.0337
Pemerintahan KP memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	2 (2.2%)	9 (10.1%)	14 (15.7%)	44 (49.4%)	20 (22.5%)	3.7978

bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (85.3%), Kerajaan Persekutuan sekarang adalah yang terbaik (84.3%) dan menjadi kebanggaan mereka (84.2%) dan diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan rakyat negeri Selangor menyokong usaha-usaha kemajuan dan kemakmuran yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

d. Kepercayaan rakyat Johor terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan

Kepercayaan rakyat negeri Johor terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan adalah pada tahap baik dengan nilai min di antara 3.2 hingga 4.1 (Jadual 4). Seramai hampir 90% rakyat Johor berpendapat bahawa

Jadual 4
Kepercayaan Rakyat Johor Terhadap Prestasi Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	0 (0%)	6 (5.8%)	5 (4.9%)	71 (68.9%)	21 (20.4%)	4.0388
KP diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	0 (0%)	8 (7.8%)	16 (15.5%)	54 (52.4%)	25 (24.3%)	3.9320
KP mentadbir wang negara dengan betul	0 (0%)	6 (5.8%)	36 (35.0%)	53 (51.5%)	8 (7.8%)	3.6117
Kebanyakan individu yang berada di dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	0 (0%)	9 (8.7%)	26 (25.2%)	52 (50.5%)	16 (15.5%)	3.7282
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KP adalah mereka yang jujur	0 (0%)	17 (16.5%)	46 (44.7%)	34 (33.0%)	6 (5.8%)	3.2816
Saya berbangga dengan pemerintahan KP	0 (0%)	7 (6.8%)	11 (10.7%)	60 (58.3%)	25 (24.3%)	4.0000
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	1 (1.0%)	13 (12.6%)	33 (32.0%)	43 (41.7%)	13 (12.6%)	3.5243
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walau pun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	0 (0%)	5 (4.9%)	14 (13.6%)	59 (57.3%)	25 (24.3%)	4.0097
Pemerintahan KP memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarkan pendapat	0 (0%)	9 (8.7%)	16 (15.5%)	60 (58.3%)	18 (17.5%)	3.8447

Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik. Seramai lebih kurang 80% rakyat Johor juga berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Persekutuan (82.6%) dan bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang adalah yang terbaik (81.6%), diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat (76.7%), memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (75.8%). Walau bagaimanapun lebih daripada 30% rakyat Johor memberi jawapan tidak pasti bahawa kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan Kerajaan Persekutuan adalah mereka yang jujur (44.7% tidak pasti), mentadbir wang negara dengan betul (35.0% tidak pasti) dan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (32.0%).

e. Kepercayaan rakyat Terengganu terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan

Negeri Terengganu semasa kajian dijalankan, merupakan negeri di bawah pemerintahan pembangkang. Walau bagaimanapun hasil kajian ini mendapati rakyat negeri Terengganu mempunyai tahap kepercayaan yang baik terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan dengan nilai min di antara 3.2 hingga 3.7. Walaupun nilai min ini agak rendah berbanding dengan nilai min kepercayaan oleh rakyat-rakyat negeri yang lainnya tetapi ia tetap menggambarkan sokongan rakyat Terengganu terhadap Kerajaan Persekutuan.

Jadual 5
Kepercayaan Rakyat Terengganu Terhadap Prestasi Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	3 (2.7%)	9 (8.1%)	14 (12.6%)	74 (66.7%)	11 (9.9%)	3.729
KP diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	3 (2.7%)	9 (8.1%)	22 (19.8%)	66 (59.5%)	11 (9.9%)	3.657
KP mentadbir wang negara dengan betul	5 (4.5%)	10 (9.0%)	53 (47.7%)	36 (32.4%)	7 (6.3%)	3.270
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	2 (1.8%)	10 (9.0%)	35 (31.5%)	60 (54.1%)	4 (3.6%)	3.486
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KP adalah mereka yang jujur	4 (3.6%)	16 (14.4%)	61 (55.0%)	29 (26.1%)	1 (0.9%)	3.063
Saya berbangga dengan pemerintahan KP	4 (3.6%)	12 (10.8%)	20 (18.0%)	61 (55.0%)	14 (12.6%)	3.621
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	4 (3.6%)	21 (18.9%)	35 (31.5%)	42	9	3.279
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan di dalam pemerintahan	3 (2.7%)	14 (12.6%)	15 (13.5%)	67 (60.4%)	12 (10.8%)	3.639
Pemerintahan KP memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	3 (2.7%)	10 (9.0%)	29 (26.1%)	61 (55.0%)	8 (7.2%)	3.495

Malahan seramai lebih daripada 60% rakyat Terengganu berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Persekutuan (67.6%) dan bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang adalah yang terbaik (71.2%), telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (76.6%), diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat (69.4%) serta memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (62.2%). Walau bagaimanapun majoriti rakyat Terengganu memberi jawapan tidak pasti bahawa Kerajaan Persekutuan mentadbir wang negara dengan betul (47.7%) dan individu yang menerajui kepimpinan Kerajaan Persekutuan adalah mereka yang jujur (55.0%) dan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (31.5%).

f. Kepercayaan rakyat Kelantan terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan

Satu lagi negeri yang dikuasai oleh pembangkang ialah Kelantan. Walau bagaimanapun hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa rakyat Kelantan mempunyai tahap kepercayaan yang baik terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan dengan nilai min di antara 3.4 hingga 3.9. Malahan daripada sembilan item berkaitan kepercayaan terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan, seramai lebih 60% rakyat Kelantan

Jadual 6
Kepercayaan Rakyat Terhadap Prestasi Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	4 (3.9%)	7 (6.8%)	11 (10.7%)	61 (59.2%)	20 (19.4%)	3.835
KP diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	4 (3.9%)	7 (6.8%)	14 (13.6%)	59 (57.3%)	19 (18.4%)	3.796
KP mentadbir wang negara dengan betul	4 (3.9%)	8 (7.8%)	37 (35.9%)	43 (41.7%)	11 (10.7%)	3.475
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	3 (2.9%)	11 (10.7%)	21 (20.4%)	55 (53.4%)	13 (12.6%)	3.621
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KP adalah mereka yang jujur	4 (3.9%)	13 (12.6%)	24 (23.3%)	54 (52.4%)	8	3.475
Saya berbangga dengan pemerintahan KP	4 (3.9%)	7 (6.8%)	9 (8.7%)	57 (55.3%)	26 (25.2%)	3.912
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	4 (3.9%)	16 (15.5%)	18 (17.5%)	54 (52.4%)	11 (10.7%)	3.504
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	4 (3.9%)	8 (7.8%)	12 (11.7%)	61 (59.2%)	18 (17.5%)	3.786
Pemerintahan KP memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	4 (3.9%)	10 (9.7%)	9 (8.7%)	56 (54.4%)	24 (23.3%)	3.835

bersetuju dengan lapan daripada item tersebut. Seramai 80.5% rakyat Kelantan berpendapat bahawa mereka berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Persekutuan. Manakala lebih 70% rakyat Kelantan bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (78.6%), memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (77.7%), Kerajaan Persekutuan sekarang adalah yang terbaik (76.7%) dan diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat. Lebih 60% pula bersetuju bahawa individu yang berada di tampuk pemerintahan terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan (66.0%), meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (63.1%) dan jujur (60.2%). Walau bagaimanapun 36% rakyat Kelantan memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Persekutuan mentadbir wang negara dengan betul.

Kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri

a. Kepercayaan rakyat Kedah terhadap prestasi Kerajaan Negeri

Rakyat negeri Kedah mempunyai tahap kepercayaan yang baik terhadap Kerajaan Negeri Kedah dengan nilai min 3.4 hingga 4.0. Seramai 80.4% berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Negeri. Lebih 70%

Jadual 7
Kepercayaan Rakyat Kedah Terhadap Kerajaan Negeri Kedah

Prestasi Kerajaan Negeri	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	1 (1.0%)	6 (5.9%)	20 (19.6%)	54 (52.9%)	21 (20.6%)	3.862
KN diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	1 (1.0%)	7 (6.9%)	25 (24.5%)	48 (47.1%)	21 (20.6%)	3.794
KN mentadbir wang negara dengan betul	1 (1.0%)	7 (6.9%)	43 (42.2%)	30 (29.4%)	21 (20.6%)	3.617
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	1 (1.0%)	10 (9.8%)	29 (28.4%)	50 (49.0%)	12 (11.8%)	3.607
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KN adalah mereka yang jujur	2 (2.0%)	12 (11.8%)	35 (34.3%)	40 (39.2%)	13 (12.7%)	3.490
Saya berbangga dengan pemerintahan KN	1 (1.0%)	6 (5.9%)	13 (12.7%)	55 (53.9%)	27 (26.5%)	3.990
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	2 (2.0%)	10 (9.8%)	38 (37.3%)	35 (34.3%)	17 (16.7%)	3.539
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	1 (1.0%)	6 (5.9%)	19 (18.6%)	52 (51.0%)	24 (23.5%)	3.902
Pemerintahan KN memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	0	4 (3.9%)	30 (29.4%)	45 (44.1%)	23 (22.6%)	3.852

bersetuju bahawa Kerajaan Negeri sekarang adalah yang terbaik (74.5%) dan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (73.5%). Lebih 60% bersetuju bahawa Kerajaan Negeri diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat (67.7%), memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (66.6%) dan tahu apa yang mereka lakukan (60.8%). Walau bagaimanapun, lebih 30% memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri mentadbir wang negeri dengan betul (42.2% tidak pasti), meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (37.3% tidak pasti) dan terdiri daripada pemimpin yang jujur (34.3% tidak pasti).

b. Kepercayaan rakyat Perak terhadap prestasi Kerajaan Negeri

Jadual 8 menunjukkan bahawa tahap kepercayaan rakyat Perak terhadap Kerajaan Negeri Perak adalah pada tahap baik dengan nilai min di antara 3.2 hingga 3.75. Lebih 70% berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Negeri (76.1%) dan bersetuju bahawa Kerajaan Negeri sekarang adalah yang terbaik (71.7%). Lebih 60% bersetuju bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (65.2%) dan memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (62.0%). Walau

Jadual 8
Kepercayaan Rakyat Perak Terhadap Kerajaan Negeri Perak

Prestasi Kerajaan Negeri	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	0	10 (10.9%)	22 (23.9%)	51 (55.4%)	9 (9.8%)	3.641
KN diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	1 (1.1%)	4 (4.3%)	38 (41.3%)	45 (48.9%)	6 (6.5%)	3.619
KN mentadbir wang negara dengan betul	2 (2.2%)	11 (12.0%)	46 (50.0%)	32 (34.8%)	1 (1.1%)	3.206
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	1 (1.1%)	3 (3.3%)	40 (43.5%)	45 (48.9%)	3 (3.3%)	3.500
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KN adalah mereka yang jujur	2 (2.2%)	11 (12.0%)	46 (50.0%)	26(28.3%)	7 (7.6%)	3.271
Saya berbangga dengan pemerintahan KN	1 (1.1%)	10 (10.9%)	11 (12.0%)	59 (64.1%)	11 (12.0%)	3.750
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	2 (2.2%)	15 (16.3%)	40 (43.5%)	29 (31.5%)	6 (6.5%)	3.239
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walau pun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	2 (2.2%)	9 (9.8%)	15 (16.3%)	58 (63.0%)	8 (8.7%)	3.663
Pemerintahan KN memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	4 (4.3%)	12 (13.0%)	19 (20.7%)	48 (52.2%)	9 (9.8%)	3.500

bagaimanapun lebih daripada 40% rakyat Perak memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri Perak mentadbir wang negeri dengan betul (50% tidak pasti), diterajui oleh pemimpin yang jujur (50%

tidak pasti), tahu apa yang mereka lakukan (43.5% tidak pasti), meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (43.5% tidak pasti) dan prihatin terhadap kepentingan rakyat (41.3% tidak pasti).

c. Kepercayaan rakyat Selangor terhadap prestasi Kerajaan Negeri

Tahap kepercayaan rakyat Selangor terhadap Kerajaan Negeri adalah pada tahap baik dan agak tinggi dengan nilai min melebihi 3.5 sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 9. Lebih 70% berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Negeri (77.6%) dan bersetuju bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (78.7%), Kerajaan Negeri sekarang adalah yang terbaik (77.6%), diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat (74.2%), terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan (73.1%), memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (72.0%) dan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (70.8%).

Jadual 9
Kepercayaan Rakyat Selangor Terhadap Kerajaan Negeri Selangor

Prestasi Kerajaan Negeri	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	0	4 (4.5%)	15 (16.9%)	55 (61.8%)	15 (16.9%)	3.910
KN diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	0	5 (5.6%)	18 (20.2%)	50 (56.2%)	16 (18.0%)	3.865
KN mentadbir wang negara dengan betul	1 (1.1%)	6 (6.7%)	26 (29.2%)	35 (36.3%)	21 (23.6%)	3.775
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	0	4 (4.5%)	20 (22.5%)	49 (55.1%)	16 (18.0%)	3.865
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KN adalah mereka yang jujur	1 (1.1%)	10 (11.2%)	24 (27.0%)	41 (46.1%)	13 (14.6%)	3.618
Saya berbangga dengan pemerintahan KN	0	7 (7.9%)	13 (14.6%)	54 (60.7%)	15 (16.9%)	3.865
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	0	8 (9.0%)	18 (20.2%)	50 (56.2%)	12 (13.5%)	3.696
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walau pun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	0	6 (6.7%)	14 (15.7%)	49 (55.1%)	20 (22.5%)	3.932
Pemerintahan KN memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	0	6 (6.7%)	19 (21.3%)	49 (55.1%)	15 (16.9%)	3.820

d. Kepercayaan rakyat Johor terhadap prestasi Kerajaan Negeri

Tahap kepercayaan rakyat Johor terhadap Kerajaan Negeri Johor adalah pada tahap baik dengan nilai min di antara 3.3 hingga 3.8 (Jadual 10). Dari segi peratusan, lebih 70% rakyat Johor berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Negeri (70.8%) dan bersetuju bahawa Kerajaan Negeri Johor diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat (70.2%). Selain daripada itu, lebih 60% bersetuju bahawa Kerajaan Negeri sekarang adalah yang terbaik (68%) dan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (68.9%) serta memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (62.2%). Walau bagaimanapun lebih 30% rakyat Johor memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri mentadbir wang negeri dengan betul (35% tidak pasti) dan diterajui oleh pemimpin yang jujur (47.6% tidak pasti), terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan (34%) serta meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (31.1%).

Jadual 10
Kepercayaan Rakyat Johor Terhadap Kerajaan Negeri Johor

Prestasi Kerajaan Negeri	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	0	10 (9.7%)	22 (21.4%)	64 (62.1%)	7 (6.8%)	3.660
KN diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	1 (1.0%)	12 (11.7%)	27 (26.2%)	52 (50.5%)	11 (10.7%)	3.582
KN mentadbir wang negara dengan betul	0 (0%)	14 (13.6%)	36 (35.0%)	50 (48.5%)	3 (2.9%)	3.407
Kebanyakan individu yang berada di dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	1 (1.0%)	11 (10.7%)	35 (34.0%)	46 (44.7%)	10 (9.7%)	3.514
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KN adalah mereka yang jujur	1 (1.0%)	11 (10.7%)	49 (47.6%)	36 (35.0%)	7 (6.8%)	3.378
Saya berbangga dengan pemerintahan KN	1 (1.0%)	7 (6.8%)	22 (2.1%)	54 (52.4%)	19 (18.4%)	3.805
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	0	18 (17.5%)	32 (31.1%)	46 (44.7%)	7 (6.8%)	3.407
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	0	8 (7.8%)	25 (24.3%)	48 (46.6%)	22 (21.4%)	3.815
Pemerintahan KN memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	0	14 (13.6%)	25 (24.3%)	52 (50.5%)	12 (11.7%)	3.601

e. Kepercayaan rakyat Terengganu terhadap prestasi Kerajaan Negeri

Tahap kepercayaan rakyat Terengganu terhadap Kerajaan Negeri adalah pada tahap baik yang agak rendah dengan nilai min di antara 3.0 hingga 3.3 sahaja. Jadual 11 menunjukkan bahawa lebih 30%

rakyat Terengganu memberi jawapan tidak pasti bagi kesemua sembilan item yang dikaji bagi menentukan kepercayaan rakyat Terengganu terhadap prestasi Kerajaan Negeri. Malahan hampir 50% rakyat Terengganu memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri mentadbir wang negeri dengan betul (51.4% tidak pasti berbanding 34.2% bersetuju) dan individu yang menerajui kepimpinan Kerajaan Negeri terdiri daripada individu yang jujur (48.6% tidak pasti berbanding 37.8% bersetuju). Selain daripada itu majoriti rakyat Terengganu juga tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri sekarang adalah yang terbaik (37.8% tidak pasti berbanding 32.4% bersetuju) dan pemimpin dalam Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada mereka yang tahu apa yang mereka lakukan (41.4% tidak pasti berbanding 38.7% bersetuju). Kesimpulan, ramai rakyat Terengganu masih “*berada di atas pagar*” sama ada menyokong Kerajaan Negeri sekarang yang ditadbir oleh PAS atau Kerajaan Barisan Nasional.

Jadual 11
Kepercayaan Rakyat Terengganu Terhadap Kerajaan Negeri Terengganu

Prestasi Kerajaan Negeri	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	6 (5.4%)	17 (15.3%)	41 (36.9%)	41 (36.9%)	6 (5.4%)	3.216
KN diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	6 (5.4%)	19 (17.1%)	35 (31.5%)	42 (37.8%)	9 (8.1%)	3.261
KN mentadbir wang negara dengan betul	8 (7.2%)	8 (7.2%)	57 (51.4%)	33 (29.7%)	5 (4.5%)	3.171
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	7 (6.3%)	15 (13.5%)	46 (41.4%)	37 (33.3%)	6 (5.4%)	3.180
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KN adalah mereka yang jujur	4 (3.6%)	11 (9.9%)	54 (48.6%)	33 (29.7%)	9 (8.1%)	3.288
Saya berbangga dengan pemerintahan KN	11 (9.9%)	19 (17.7%)	24 (21.6%)	47 (42.3%)	10 (9.0%)	3.234
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	8 (7.2%)	19 (17.1%)	40 (36.0%)	34 (30.6%)	10 (9.0%)	3.171
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	11 (9.9%)	22 (19.8%)	28 (25.2%)	42 (37.8%)	8 (7.2%)	3.126
Pemerintahan KN memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	6 (5.4%)	14 (12.6%)	35 (31.5%)	46 (41.4%)	10 (9.0%)	3.360

f. Kepercayaan rakyat Kelantan terhadap prestasi Kerajaan Negeri

Tahap kepercayaan rakyat Kelantan terhadap Kerajaan Negeri adalah pada tahap baik yang rendah dengan nilai min hanya di antara 2.9 hingga 3.3 sahaja. Jadual 12 menunjukkan bahawa jawapan rakyat Kelantan terhadap sembilan item yang dikaji bagi menentukan tahap kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- i. Majoriti rakyat Kelantan bersetuju dengan tiga item tetapi peratus yang bersetuju tidak melebihi 50%. Majoriti mereka bersetuju bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (44.7% bersetuju berbanding 32.1% tidak setuju dan 23.3% tidak pasti), kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan Kerajaan Negeri adalah mereka yang jujur (41.7% bersetuju berbanding 21.3% tidak setuju, 36.9% tidak pasti) dan memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat (48.5% bersetuju berbanding 25.2% tidak setuju, 26.2% tidak pasti).

Jadual 12
Kepercayaan Rakyat Kelantan Terhadap Kerajaan Negeri Kelantan

Prestasi Kerajaan Negeri	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan negeri telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	5 (4.9%)	28 (27.2%)	24 (23.3%)	35 (34.0%)	11 (10.7)	3.203
KN diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	3 (2.9%)	43 (41.7%)	10 (9.7%)	37 (35.9%)	10 (9.7%)	3.077
KN mentadbir wang negara dengan betul	4 (3.9%)	16 (15.5%)	46 (44.7%)	29 (28.2%)	8 (7.8%)	3.203
Kebanyakan individu yang berada dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan	6 (5.8%)	34 (33.0%)	23 (22.3%)	35 (34.0%)	5 (4.9%)	3.000
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan KN adalah mereka yang jujur	3 (2.9%)	19 (18.4%)	38 (36.9%)	33 (32.0%)	10 (9.7%)	3.271
Saya berbangga dengan pemerintahan KN	10 (9.7%)	37 (35.9%)	8 (7.8%)	37 (35.9%)	11 (10.7%)	3.019
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	7 (6.8%)	27 (26.2%)	36 (35.0%)	29 (24.3%)	8 (7.8%)	3.000
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pemerintahan	10 (9.7%)	32 (31.1%)	19 (18.4%)	34 (33.0%)	8 (7.8%)	2.980
Pemerintahan KN memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat	3 (2.9%)	23 (22.3%)	27 (26.2%)	40 (38.8%)	10 (9.7%)	3.301

- ii. Majoriti rakyat Kelantan memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri mentadbir wang negeri dengan betul (44.7% tidak pasti berbanding 36% bersetuju dan 19.4% tidak setuju) dan mereka yang menerajui kepimpinan Kerajaan Negeri meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti (35% tidak pasti berbanding 33% tidak setuju dan 32.1% bersetuju).
- iii. Peratus bersetuju sama dengan tidak setuju iaitu seramai 45.6% bersetuju dan 43% tidak setuju bahawa Kerajaan Negeri diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat. Selain daripada itu seramai 38.8% tidak bersetuju dan 38.9% bersetuju bahawa pemimpin Kerajaan Negeri

terdiri daripada mereka yang tahu apa yang mereka lakukan. Seramai 46.6% bersetuju dan tidak bersetuju bahawa mereka berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Negeri sekarang dan seramai 40.8% bersetuju dan tidak bersetuju Kerajaan Negeri adalah yang terbaik

Kepercayaan rakyat terhadap barisan kepimpinan kerajaan

a. Kepercayaan rakyat Kedah terhadap barisan kepimpinan kerajaan

Lebih 70% bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap positif seperti bertimbangrasa (80.4%), dihormati (79.4%), membantu (74.5%), cekap (74.5%) dan berdikari (72.6%). Lebih 70% tidak setuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap negatif seperti jahat

Jadual 13
Kepercayaan Rakyat Kedah Terhadap Barisan Kepimpinan Kerajaan

Prestasi Barisan Kepimpinan Kerajaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Jujur	1 (1.0%)	11 (10.8%)	28 (27.5%)	34 (33.3%)	28 (27.5%)	3.7549
2 Zalim	0	51 (50.0%)	32 (31.4%)	19 (18.6%)	0	1.6863
3 Bertimbang rasa	2 (2.0%)	2 (2.0%)	16 (15.7%)	70 (68.6%)	12 (11.8%)	3.8627
4 Rasuah	23 (22.5%)	13 (12.7%)	37 (36.3%)	26 (25.5%)	3 (2.9%)	2.7353
5 Prihatin	1 (1.0%)	3 (2.9%)	25 (24.5%)	59 (57.8%)	14 (13.7%)	3.8039
6 Jahat	54 (53.9%)	32 (31.4%)	15 (14.7%)	1 (1.0%)	0	1.6373
7 Amanah	3 (2.9%)	6 (5.9%)	35 (34.3%)	32 (31.4%)	26 (25.5%)	3.7059
8 Membazir	17 (16.7%)	26 (25.5%)	37 (36.3%)	21 (20.6%)	1 (1.0%)	2.6373
9 Dihormati	1 (1.0%)	2 (2.0%)	18 (17.6%)	67 (35.7%)	14 (13.7%)	3.8929
10 Demokratik	1 (1.0%)	4 (3.9%)	31 (30.4%)	48 (47.1%)	18 (17.6%)	3.7647
11 Membantu	1 (1.0%)	3 (2.9%)	22 (21.6%)	63 (61.8%)	13 (12.7%)	3.8235
12 Sombong	40 (39.2%)	32 (31.4%)	22 (21.6%)	5 (4.9%)	3 (2.9%)	2.0098
13 Adil	2 (2.0%)	2 (2.0%)	36 (35.3%)	46 (45.1%)	16 (15.7%)	3.7059
14 Berdikari	1 (1.0%)	6 (5.9%)	21 (20.6%)	52 (51.0%)	22 (21.6%)	3.8627
15 Bodoh	46 (45.1%)	36 (35.3%)	18 (17.6%)	2 (2.0%)	0	1.7647
16 Cekap	0	4 (3.9%)	22 (21.6%)	51 (50.0%)	25 (24.5%)	3.9510
17 Menjijikkan	55 (53.9%)	21 (20.6%)	23 (22.5%)	3 (2.9%)	0	1.7451

(84.3%), bodoh (80.4%), menjijikkan (74.5%) dan sombong (70.6%). Ini menunjukkan bahawa rakyat negeri Kedah mempunyai tahap kepercayaan yang baik terhadap barisan kepimpinan kerajaan dengan nilai min bagi sikap positif lebih daripada tiga dan nilai min bagi sikap negatif kurang daripada 3. Walau bagaimanapun lebih 30% memberi jawapan tidak pasti sama ada barisan kepimpinan kerajaan mengamalkan rasuah (36.3% tidak pasti), membazir (36.3% tidak pasti), amanah (34.3% tidak pasti) dan zalim (31.4% tidak pasti).

b. Kepercayaan rakyat Perak terhadap barisan kepimpinan kerajaan

Jadual 14 menunjukkan lebih 70% bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap positif seperti membantu 85.9%, bertimbangrasa 82.6%, dihormati 77.2%, demokratik 77.2% dan prihatin 71.7%. Lebih 70% tidak bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap

Jadual 14
Kepercayaan Rakyat Perak Terhadap Barisan Kepimpinan Kerajaan

Prestasi Barisan Kepimpinan Kerajaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Jujur	1 (1.11%)	6 (6.5%)	46 (50.0%)	31 (33.7%)	8 (8.7%)	3.4239
2 Zalim	29 (31.5%)	42 (45.7%)	14 (15.2%)	6 (6.5%)	1 (1.1%)	2.000
3 Bertimbang	1 (1.1%)	2 (2.2%)	13 (14.1%)	68 (73.9%)	8 (8.7%)	3.8696
4 Rasuah	3 (3.3%)	9 (9.8%)	44 (47.8%)	27 (29.3%)	9 (9.8%)	3.3261
5 Prihatin	2 (2.2%)	7 (7.6%)	17 (18.5%)	60 (65.2%)	6 (6.5%)	3.6630
6 Jahat	45 (48.9%)	28 (30.4%)	15 (16.3%)	4 (4.3%)	0	1.7609
7 Amanah	1 (1.1%)	5 (5.4%)	52 (56.5%)	29 (31.5%)	5 (5.4%)	3.3478
8 Membazir	10 (10.9%)	27 (29.3%)	28 (30.4%)	24 (26.1%)	3 (3.3%)	2.8152
9 Dihormati	0	4 (4.3%)	17 (18.5%)	60 (65.2%)	11 (12.0%)	3.8478
10 Demokratik	3 (3.3%)	2 (2.2%)	16 (17.4%)	60 (65.2%)	11 (12.0%)	3.8043
11 Membantu	0	3 (3.3%)	10 (10.9%)	65 (70.7%)	14 (15.2%)	3.9783
12 Sombong	29 (31.5%)	31 (33.7%)	25 (27.2%)	6 (6.5%)	1 (1.1%)	2.1196
13 Adil	3 (3.3%)	4 (4.3%)	41 (44.6%)	36 (39.1%)	8 (8.7%)	3.4565
14 Berdikari	1 (1.1%)	2 (2.2%)	26 (28.3%)	55 (59.8%)	8 (8.7%)	3.7283
15 Bodoh	45 (48.9%)	31 (33.7%)	16 (17.4%)	0	0	1.6848
16 Cepak	0	8 (8.7%)	22 (23.9%)	54 (58.7%)	8 (8.7%)	3.6739
17 Menjijikkan	42 (45.7%)	26 (28.3%)	21 (22.8%)	3 (3.3%)	0	1.8370

negatif seperti bodoh 82.6%, jahat 79.3%, zalim 77.2% dan menjijikkan 74%. Ramai yang masih meragui sama ada barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap jujur (50% tidak pasti), mengamalkan rasuah (47.8% tidak pasti), amanah (56.5% tidak pasti) dan adil (44.6% tidak pasti).

c. Kepercayaan rakyat Selangor terhadap barisan kepimpinan kerajaan

Lebih 70% rakyat negeri Selangor bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai kesemua sikap positif yang dikaji iaitu bertimbangrasa 80.9%, prihatin 87.6%, dihormati 92.2%, demokratik 83.2%, membantu 91%, berdikari 78.7%, adil 70.8% dan cekap 78.7% sebagaimana dapat dilihat dalam Jadual 15. Lebih 60% tidak bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap negatif

Jadual 15
Kepercayaan Rakyat Selangor Terhadap Barisan Kepimpinan Kerajaan

Prestasi Barisan Kepimpinan Kerajaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Jujur	2 (2.2%)	6 (6.7%)	21 (23.6%)	43 (48.3%)	17 (19.1%)	3.7528
2 Zalim	34 (38.2%)	43 (48.3%)	8 (9.0%)	3 (3.4%)	1 (1.1%)	1.8090
3 Bertimbang	2 (2.2%)	4 (4.5%)	11 (12.4%)	52 (58.4%)	20 (22.5%)	3.9438
4 Rasuah	16 (18.0%)	18 (20.2%)	31 (34.8%)	18 (20.2%)	6 (6.7%)	2.7753
5 Prihatin	2 (2.2%)	2 (2.2%)	7 (7.9%)	60 (67.4%)	18 (20.2%)	4.0112
6 Jahat	0	38 (42.7%)	37 (41.6%)	0	14 (15.7%)	1.7303
7 Amanah	1 (1.1%)	5 (5.6%)	23 (25.8%)	42 (47.2%)	18 (20.2%)	3.7978
8 Membazir	23 (25.8%)	32 (36.0%)	24 (27.0%)	9 (10.1%)	1 (1.1%)	2.2472
9 Dihormati	1 (1.1%)	2 (2.2%)	4 (4.5%)	66 (74.2%)	16 (18.0%)	4.0562
10 Demokratik	1 (1.1%)	3 (3.4%)	11 (12.4%)	50 (56.2%)	24 (27.0%)	4.0449
11 Membantu	1 (1.1%)	2 (2.2%)	5 (5.6%)	60 (67.4%)	21 (23.6%)	4.1011
12 Sombong	29 (32.6%)	37 (41.6%)	17 (19.1%)	4 (4.5%)	2 (2.2%)	2.0225
13 Adil	1 (1.1%)	4 (4.5%)	21 (23.6%)	48 (53.9%)	15 (16.9%)	3.7865
14 Berdikari	2 (2.2%)	2 (2.2%)	15 (16.9%)	50 (56.2%)	20 (22.5%)	3.9438
15 Bodoh	48 (53.9%)	33 (37.1%)	7 (7.9%)	1 (1.1%)	0	1.5618
16 Cekap	4 (4.5%)	5 (5.6%)	10 (11.2%)	58 (65.2%)	12 (13.5%)	3.7753
17 Menjijikkan	53 (59.6%)	26 (29.2%)	9 (10.1%)	1 (1.1%)	0	1.5281

seperti membazir 61.8%, sombong 74.2%, bodoh 91% dan menjijikkan 88.8%. Walau bagaimanapun ramai yang meragui sama ada barisan kepimpinan kerajaan mengamalkan rasuah (34.8% tidak pasti, 38.2% tidak setuju dan 26.8% bersetuju) serta jahat (41.6% tidak pasti, 42.7% tidak setuju, 15.7% setuju).

d. Kepercayaan rakyat Johor terhadap barisan kepimpinan kerajaan

Jadual 16 menunjukkan bahawa lebih 60% bersetuju barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap positif yang dikaji seperti bertimbangrasa 77.7%, prihatin 72.8%, dihormati 77.7%, demokratik 71.8%, adil 61.1%, berdikari 67.1% dan cekap 66.1%. Lebih 60% pula tidak bersetuju barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap negatif seperti zalim 75.7%, jahat 76.7%, sombong 65.1%, bodoh 85.5% dan menjijikkan 84.5%. Lebih 30% memberi jawapan tidak pasti sama ada barisan kepimpinan kerajaan mengamalkan rasuah 49.5%, membazir 40.8%, amanah 35.9% dan jujur 37.9%.

Jadual 16
Kepercayaan Rakyat Johor Terhadap Barisan Kepimpinan Kerajaan

Prestasi Barisan Kepimpinan Kerajaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Jujur	1 (1.0%)	9 (8.7%)	39 (37.9%)	48 (46.6%)	6 (5.8%)	3.4757
2 Zalim	47 (45.6%)	31 (30.1%)	16 (15.5%)	8 (7.8%)	1 (1.0%)	1.8835
3 Bertimbang	1 (1.0%)	8 (7.8%)	14 (13.6%)	68 (66.0%)	12 (11.7%)	3.7961
4 Rasuah	8 (7.8%)	12 (11.7%)	51 (49.5%)	26 (25.2%)	6 (5.8%)	3.0971
5 Prihatin	1 (1.0%)	7 (6.8%)	20 (19.4%)	59 (57.3%)	16 (15.5%)	3.7961
6 Jahat	52 (50.5%)	27 (26.2%)	20 (19.4%)	3 (2.9%)	1 (1.0%)	1.7767
7 Amanah	0 (0%)	11 (10.7%)	37 (35.9%)	48 (46.6%)	7 (6.8%)	3.4951
8 Membazir	16 (15.5%)	30 (29.1%)	42 (40.8%)	15 (14.6%)	0 (0%)	2.5437
9 Dihormati	0 (0%)	4 (3.9%)	19 (18.4%)	62 (60.2%)	18 (17.5%)	3.9126
10 Demokratik	0 (0%)	6 (5.8%)	23 (22.3%)	64 (62.1%)	10 (9.7%)	3.7573
11 Membantu	0 (0%)	6 (5.8%)	17 (16.5%)	66 (64.1%)	14 (13.6%)	3.8544
12 Sombong	31 (30.1%)	36 (35.0%)	24 (23.3%)	12 (11.7%)	0 (0%)	2.1650
13 Adil	0 (0%)	6 (5.8%)	34 (33.0%)	54 (52.4%)	9 (8.7%)	3.6408
14 Berdikari	1 (1.0%)	5 (4.9%)	28 (27.2%)	63 (61.2%)	6 (5.8%)	3.6602
15 Bodoh	56 (54.4%)	32 (31.1%)	12 (11.7%)	3 (2.9%)	0 (0%)	1.6311
16 Cepak	0 (0%)	9 (8.7%)	26 (25.2%)	63 (61.2%)	5 (4.9%)	3.6214
17 Menjijikkan	63 (61.2%)	24 (23.3%)	13 (12.6%)	3 (2.9%)	0 (0%)	1.5728

e. Kepercayaan rakyat Terengganu terhadap barisan kepimpinan kerajaan

Sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 17, majoriti rakyat Terengganu memberi jawapan tidak pasti bahawa barisan kepimpinan kerajaan mengamalkan rasuah 62.2%, membazir 53.2%, amanah 51.4% dan jujur 45%. Lebih 30% rakyat Terengganu juga memberi jawapan tidak pasti bahawa barisan kepimpinan kerajaan adalah adil 40.5%, cekap 33.3% dan berdikari 32.4%. Walau bagaimanapun majoriti bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap positif seperti bertimbangrasa 69.4%, prihatin 64.9%, dihormati 64.9%, demokratik 56.6% dan membantu 64%. Majoriti juga tidak bersetuju barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap negatif seperti zalim 67.5%, jahat 69.3%, sombong 54.9%, bodoh 73.8% dan menjijikkan 72%.

Jadual 17
Kepercayaan Rakyat Terengganu Terhadap Barisan Kepimpinan Kerajaan

Prestasi Barisan Kepimpinan Kerajaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Jujur	2 (1.8%)	10 (9.0%)	50 (45.0%)	49 (44.1%)	0 (0%)	3.3153
2 Zalim	29 (26.1%)	46 (41.1%)	25 (22.5%)	9 (8.1%)	2 (1.8%)	2.1802
3 Bertimbang	0 (0%)	13 (11.7%)	21 (18.9%)	75 (67.6%)	2 (1.8%)	3.5946
4 Rasuah	7 (6.3%)	13 (11.7%)	69 (62.2%)	19 (17.1%)	3 (2.7%)	2.9820
5 Prihatin	0 (0%)	8 (7.2%)	31 (27.9%)	69 (62.2%)	3 (2.7%)	3.6036
6 Jahat	41 (36.9%)	36 (32.4%)	26 (23.4%)	7 (6.3%)	1 (0.9%)	2.0180
7 Amanah	3 (2.7%)	10 (9.0%)	57 (51.4%)	40 (36.0%)	1 (0.9%)	3.2342
8 Membazir	9 (8.1%)	23 (20.7%)	59 (53.2%)	15 (16.2%)	2 (1.8%)	2.8288
9 Dihormati	0 (0%)	8 (7.2%)	31 (27.9%)	65 (58.6%)	7 (6.3%)	3.6396
10 Demokratik	6 (5.4%)	9 (8.1%)	33 (29.7%)	59 (53.2%)	4 (3.6%)	3.4144
11 Membantu	3 (2.7%)	8 (7.2%)	29 (26.1%)	69 (62.2%)	2 (1.8%)	3.5315
12 Sombong	25 (22.5%)	36 (32.4%)	33 (29.7%)	14 (12.6%)	3 (2.7%)	2.4054
13 Adil	3 (2.7%)	16 (14.4%)	45 (40.5%)	41 (36.9%)	6 (5.4%)	3.2793
14 Berdikari	2 (1.8%)	14 (12.6%)	36 (32.4%)	56 (50.5%)	3 (2.7%)	3.3964
15 Bodoh	41 (36.9%)	41 (36.9%)	22 (19.8%)	7 (6.3%)	0 (0%)	1.9550
16 Cekap	1 (0.9%)	11 (9.9%)	37 (33.3%)	56 (50.5%)	6 (5.4%)	3.4955
17 Menjijikkan	47 (42.3%)	33 (29.7%)	24 (21.6%)	6 (5.4%)	1 (0.9%)	1.9279

f. Kepercayaan rakyat Kelantan terhadap barisan kepimpinan kerajaan

Majoriti rakyat Kelantan bersetuju bahawa barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap positif seperti bertimbangrasa 57.3%, prihatin 59.3%, amanah 54.4%, dihormati 66%, demokratik 55.3%, membantu 64.1%, adil 52.5%, berdikari 54.3% dan cekap 63.1% (Jadual 18). Majoriti tidak bersetuju barisan kepimpinan kerajaan mempunyai sikap negatif seperti zalim 58.2%, sombong 56.3%, bodoh 61.2% dan menjijikkan 62.1%. Walau bagaimanapun lebih 30% rakyat Kelantan memberi jawapan tidak pasti bahawa barisan kepimpinan kerajaan adalah jujur 30.1%, mengamalkan rasuah 48.5% dan membazir 41.7%.

Jadual 18
Kepercayaan Rakyat Kelantan Terhadap Barisan Kepimpinan Kerajaan

Prestasi Barisan Kepimpinan Kerajaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Jujur	4 (3.9%)	20 (19.4%)	31 (30.1%)	44 (42.7%)	4 (3.9%)	3.2330
2 Zalim	19 (18.4%)	41 (39.8%)	29 (28.2%)	10 (9.7%)	4 (3.9%)	2.4078
3 Bertimbang	1 (1.0%)	19 (18.4%)	24 (23.3%)	52 (50.5%)	7 (6.8%)	2.4078
4 Rasuah	9 (8.7%)	17 (16.5%)	50 (48.5%)	20 (19.4%)	7 (6.8%)	2.9903
5 Prihatin	3 (2.9%)	13 (12.6%)	26 (25.2%)	53 (51.5%)	8 (7.8%)	3.4854
6 Jahat	36 (35.0%)	32 (31.1%)	26 (25.2%)	5 (4.9%)	4 (3.9%)	2.1165
7 Amanah	2 (1.9%)	16 (15.5%)	29 (28.2%)	46 (44.7%)	10 (9.7%)	3.4466
8 Membazir	10 (9.7%)	19 (18.4%)	43 (41.7%)	22 (21.4%)	9 (8.7%)	3.0097
9 Dihormati	3 (2.9%)	12 (11.7%)	20 (19.4%)	50 (48.5%)	18 (17.5%)	3.6602
10 Demokratik	6 (5.8%)	14 (13.6%)	26 (25.2%)	50 (48.5%)	7 (6.8%)	3.3689
11 Membantu	5 (4.9%)	11 (10.7%)	21 (20.4%)	58 (56.3%)	8 (7.8%)	3.5146
12 Sombong	28 (27.2%)	30 (29.1%)	20 (19.4%)	20 (19.4%)	5 (4.9%)	2.4563
13 Adil	7 (6.8%)	19 (18.4%)	23 (22.3%)	42 (40.8%)	12 (11.7%)	3.3204
14 Berdikari	4 (3.9%)	14 (13.6%)	29 (28.2%)	47 (45.6%)	9 (8.7%)	3.4175
15 Bodoh	35 (34.0%)	28 (27.2%)	27 (26.2%)	8 (7.8%)	5 (4.9%)	2.2233
16 Cekap	5 (4.9%)	14 (13.6%)	19 (18.4%)	46 (44.7%)	19 (18.4%)	3.5825
17 Menjijikkan	41 (39.8%)	23 (22.3%)	26 (25.2%)	10 (9.7%)	3 (2.9%)	2.1359

PERBINCANGAN

Pada keseluruhannya majoriti rakyat Malaysia mempunyai tahap kepercayaan yang baik terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan, tidak mengira sama ada mereka berasal dari negeri yang dikuasai oleh kerajaan ataupun pembangkang. Malahan lebih daripada 70% rakyat Malaysia berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Persekutuan, menganggap Kerajaan Persekutuan adalah yang terbaik dan bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik, memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat serta diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun masih ramai yang memberi jawapan tidak pasti sama ada Kerajaan Persekutuan mentadbir wang negara dengan betul dan meragui sama ada Kerajaan Persekutuan diterajui oleh mereka yang jujur serta meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti.

Dari segi kepercayaan rakyat terhadap prestasi Kerajaan Negeri, secara amnya rakyat bagi setiap negeri berpendapat bahawa prestasi Kerajaan Negeri adalah baik. Walau bagaimanapun rakyat negeri Kelantan dan Terengganu yang dikuasai oleh pembangkang semasa soalselidik kajian ini diedarkan iaitu pada akhir tahun 2003, berpendapat bahawa prestasi Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan adalah pada tahap baik yang rendah berbanding dengan prestasi Kerajaan Negeri yang lain. Hal ini menyebabkan berlakunya pengembalian kuasa Kerajaan Negeri Terengganu kepada Barisan Nasional dan penaklukan lebih banyak kawasan pembangkang di Kelantan semasa pilihanraya umum pada tahun 2004. Salah satu faktor yang menyebabkan rakyat negeri Kelantan dan Terengganu mempunyai kepercayaan yang lebih rendah terhadap Kerajaan Negeri masing-masing adalah kerana janji-janji yang ditaburkan semasa pilihanraya tidak dapat dilaksanakan dan dari segi pembangunan pula kedua-dua negeri ini didapati agak keciciran berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang lainnya. Tambahan pula, perantikan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri turut mengalihkan sokongan rakyat negeri tersebut kepada Barisan Nasional, memandangkan pengurusan negara berkonsepkan Islam Hadhari yang dibawa oleh beliau diharapkan dapat memenuhi kehendak negara Islam yang mereka inginkan. Ini menyebabkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri tersebut yang diterajui oleh PAS berkurangan dan sokongan mereka beralih kepada kerajaan Barisan Nasional. Ini jelas dapat dilihat daripada peningkatan jumlah undi dan penaklukan semula banyak kawasan PAS oleh Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum 2004.

Majoriti rakyat juga berpendapat bahawa prestasi barisan kepimpinan kerajaan dan wakil rakyat juga adalah baik. Walau bagaimanapun sebilangan besar rakyat masih meragui akan wujudnya sikap amanah, jujur dan adil barisan kepimpinan kerajaan dan wakil rakyat masing-masing. Malahan ramai yang berpendapat bahawa barisan kepimpinan kerajaan mengamalkan rasuah. Sebagaimana yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, amalan rasuah ini mestilah diperangi bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Sekiranya tidak dibendung, kerajaan kemungkinan akan kehilangan sokongan rakyat. Kehilangan sokongan rakyat terhadap kerajaan akan mengancam kestabilan negara dan menurunkan kepatuhan rakyat terhadap dasar kerajaan (Muller & Jukam, 1977).

KESIMPULAN

Secara umumnya persepsi negatif rakyat terhadap Kerajaan Negeri meningkat sehingga kepada 20% di negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang, berbanding hanya 10% di negeri-negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional. Ini menunjukkan sokongan rakyat terhadap pembangkang semakin berkurangan walaupun di negeri-negeri yang menjadi kubu kuat mereka. In jelas dapat dilihat daripada keputusan pilihanraya umum 2004 yang menyaksikan Kerajaan Negeri Terengganu yang sebelum ini dikuasai oleh pembangkang dapat dirampas kembali oleh Barisan Nasional dan bilangan kerusi yang dimenangi oleh pembangkang juga berkurangan sebanyak hampir 15% daripada yang dimenangi dalam pilihanraya umum 1999.

Walaupun kepercayaan rakyat terhadap pembangkang berkurangan namun hasil kajian menunjukkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan di Malaysia tidak mencapai tahap sokongan seratus peratus walaupun peratusan rakyat yang mempunyai persepsi negatif terhadap kerajaan adalah rendah. Selain daripada itu terdapat juga segelintir rakyat yang mempunyai persepsi negatif terhadap barisan kepimpinan kerajaan. Oleh itu untuk meningkatkan sokongan terhadap Kerajaan Persekutuan, persepsi negatif terhadap barisan kepimpinan kerajaan hendaklah dipertingkatkan. Antara kelemahan barisan kepimpinan kerajaan ialah kerana kurangnya sikap amanah, jujur dan adil. Malahan isu rasuah merupakan pokok utama yang menyebabkan wujudnya persepsi negatif terhadap barisan kepimpinan kerajaan. Isu ini menyebabkan barisan kepimpinan kerajaan dicap sebagai tidak jujur, amanah dan adil.

Persepsi negatif terhadap kerajaan yang ketara juga dilihat dari keraguan terhadap penggunaan wang rakyat secara kurang berhemat. Sudah menjadi kebiasaan masyarakat Malaysia terutama Melayu ditanam dengan sikap bersederhana maka sesuatu projek besar dan memerlukan modal yang tinggi akan dianggap sebagai projek yang membazirkan wang rakyat. Bagi mengatasi masalah keraguan terhadap penggunaan wang rakyat yang dikatakan secara tidak berhemat ini maka sesuatu projek yang hendak dilaksanakan perlu disebarikan kebaikan dan kepentingan projek tersebut kepada rakyat berbanding dengan rasa “gah” untuk menjadikan projek tersebut yang terbesar di dunia. Penyebaran terhadap kebaikan dan kepentingan sesuatu projek itu perlu dibuat secara menyeluruh termasuklah melalui media masa dan badan penyiaran.

Oleh itu untuk membina kepercayaan rakyat kepada kerajaan sesuatu usaha perlu dilakukan. Hal ini kerana kepercayaan rakyat terhadap kerajaan adalah diperolehi, iaitu kerajaan mestilah berusaha untuk memperolehnya daripada rakyat melalui dasar, tindakan serta kepimpinan yang dapat menawan hati rakyat. Kehilangan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan menandakan pihak kerajaan gagal menawan kepercayaan rakyat dalam tindakan-tindakan mereka.

RUJUKAN

- Ahmad Adam (1976). *Gerakan Kebangsaan Awal Di Tanah Melayu: Harapan dan Kenyataan*. Bangi : Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Faiz Hamid (2003). *Sejarah GPMS*. Kuala Lumpur: Sekretariat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.
- Aisan Fadhli Ab. Halim (1998). *Anuar Ibrahim : Hilang atau Gemilang?* Bangi : Penerbitan AFAH.
- Abramson, P. R. dan A. W. Finifter (1981). On the meaning of political trust: New evidence from items introduced in 1978. *American Journal of Political Science*, 25, 297-307.
- Agger, R. E., M. N. Goldstein & S. Pearl (1961). Political cynicism: Measurement and meaning. *Journal of Politics*, 23, 477-506.
- Arbi Sanit. (1989) *Mahasiswa, Kekuasaan dan Bangsa*. Jakarta: Lingkaran Studi.
- Baldassare, M. (1985). Trust in local government. *Social Science Quarterly*, 66, 704-712.
- Baloyra, E. A. (1979). Criticism, cynicism and political evaluation: A Venezuelan example. *American Political Science Review*, 72, 987-1002.
- Baloyra, E. A. dan J.D. Martz. (1979). *Political attitude in Venezuela*. Austin & London; University of Texas Press.
- Barber, B. (1983). *The Logic and Limits of Trust*. New Brunswick, NJ: Rutgers University Press.
- Barnes, S. H. et al. (1979). *Political Action: Mass participation in five western democracies*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Bennett, L. L. M. dan S. E. Bennett (1990). *Living with Leviathan: American Coming to Terms With Big Government*. Lawrence: University Press of Kansas.
- Bennett, S. E. (1984). Change in the public's perception of government attentiveness, 1964-1980. *Micropolitis*, 3, 309-348.
- Blau, P. M. (1964). *Exchange and power in social life*. New York: Wiley.

- Bower, R. T. (1985). *The Changing Television Audience in America*. New York: Colombia University Press.
- Brehm, J., & W. Rahn (1996). Individual-level evidence for the causes and consequence of social capital. *International Society for political Psychology*. Vancouver, Canada.
- Campbell, D. T. . dan D. W. Fiske (1959). Convergent and discriminant validation by the multitrait multimethod matrix. *Psychological Bulletin*, 56, 81-105.
- Citrin, J., H. McClosky, J. M. Shanks & P. M. Sniderman (1975). Personal and political sources of political alienation. *British Journal of Political Science*, 5, 1-31.
- Citrin, J. (1974). Comment: The Political relevance of trust in government. *American political Science Review*, 68, 973-988.
- Citrin, J. (1977). Political alienation as a social indicator. *Social indicator research*, 4, 381-419.
- Citrin, J., dan D. P. Green (1986). Presidential leadership and resurgence of trust in government. *British Journal of Political Science*, 16, 431-435.
- Craig, S. C., R. G. Niemi, & G. E. Silver (1990). Political efficacy and trust: A report on the NES Pilot study items. *Political Behaviour*, 12, 289-314.
- Craig, S. C. (1996). *Change and The American Electorate*. In *Broken Contract: Changing Relationships Between Americans and Their Government*. Boulder : Westview.
- Easton, D. A. (1965). *A Systems Analysis of Political Life*. New York: Wiley.
- Easton, D. A. (1975). A re-assessment of the concept of political support. *British Journal of Political Science*, 5, 435-457.
- Easton, D. dan J. Dennis (1969). *Children in the Political System Origins of Political Legitimacy*. New York: Prentice Hall.
- Faridah Hashim (1999). Pencabulan Hak Asasi. *Utusan Malaysia*. 14 September.
- Finkel, S. E., E. N. Muller, & M. A. Seligson. (1989). Economic crisis, incumbent performance, and regime support: A comparison of longitudinal data from West Germany and Costa Rica. *British Journal of Political Science*, 19, 329-351.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: The Social Virtues and the Creation of Prosperity*. New York: Free Press.
- Hashim Hussin Haji Yaakob (1987). *Pindaan Kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1975 Satu Cadangan dan Masalah-masalahnya*. Kertas Kerja Seminar Akta Universiti yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 27 Februari hingga 1 Mac 1987.
- Hassan Karim. (1984). *Bersama Rakyat, Gerakan Mahasiswa*. Petaling Jaya: Insan.
- Harun Mahmud (2001). Jaminan Hak Kebebasan dan Kerahsiaan Siber. *Utusan Malaysia*. 20 April.
- Hazil Abd. Hamid (1990). *Sosisologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill, K.Q. (1982). Retest reliability for trust in government and governmental responsiveness measures : A research notes. *Political Methodology*, 8, 33-46.
- Hussain Mohammed (1986). *Gerakan Belia di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing.
- Ismail Ibrahim (2000). Memelihara Keselamatan dan Maruah. *Utusan Malaysia*. 24 Ogos.
- Kartini Kartono (1983). *Pengantar Sosiologi Politik*. Jakarta: Penerbit Rajawali.
- Kavanagh, D. (1987) *Budaya Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kornberg, A. dan H. D. Clarke. (1992). *Citizens and Community: Political support in a representative democracy*. New York: Cambridge University Press.
- Lim Kim Hui, Nor Majidah Mohd. Noor et al. (1988). *Mengenai Malaysia*. Kuala Lumpur: Spektrum.
- Mayor Polak (1967). *Pengetahuan Hukum dan Politik*. Jakarta: Bharatara.
- Mc Grath, E. J. (1970). *Should Student Share Their Power*. Philadelphia: Temple University Press.
- Miller, A. H.(1974). Political issue and trust in government : 1964-1970. *American Political Sciences Review*, 68, 951-972.
- Muhammad Abu Bakar (1973). *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd. Azizuddin Mohd Sani (2002). *Hak Asasi dan Kebebasan Bersuara*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distribution.

- Muller, E. N. dan T. O. Jukam. (1977). On the meaning of political support. *American Political Sciences Review*, 71, 1561-1595.
- Ponton, G. dan P. Gill. (1988) *Introduction To Politics (2nd. ed.)*. Oxford: Blackwell.
- Putnam, R. D. (1993) *Making democracy work*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Rais Yatim.1996.Berani kah Tegur Akhbar. *Utusan Malaysia*. 24 September.
- Schmitt, H. (1983). Party government in public opinion: A European cross-national comparison. *European Journal of Political Research*, 11, 353-376.
- Seligson, M. A. (1983). On the measurement of diffuse support: Some evidence from Mexico. *Social Indicators Research*, 12, 1-24
- Shamsul Bahri (1995). Hak Kebebasan. *MASSA* . September.
- Shields, M. (1997). *American Have a Love-Hate Relationship With Government*. Seattle : Times.
- Silverstein, J. (1976). *Student in Southeast Asia Politics*. Singapura: Pacific Affairs.
- Sniderman, P.M. (1981). *A Question of Loyalty*. Berkley: University of California Press.
- Ting Chew Peh (1985). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Walle, S. V. (2002). *Public Service Performance and Trust in Government: The Problem of Causality*. Belgium : Public Management Institute, Leuven University.
- Wan Manan Wan Muda dan Haris Md. Jadi (1991). *Akademia Menjelang 2000*. Pulau Pinang: Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran Universiti Sains Malaysia.
- Weatherford, M. S. (1992) Measuring political legitimacy. *American Political Science Review*, 86, 149-166.